

Oleh Mimi Rabita  
Abdul Wahit  
bhvarsiti@bh.com.my

**Gambang**

**L**ebih 200 atlet Universiti Malaysia Pahang (UMP) diraikan mengambil sempena Majlis Penghargaan Sukan 2013/ 2014 di Kompleks Sukan UMP, di sini.

Majlis khas itu diadakan bagi menghargai kejayaan atlet berkenaan meraih pingat dalam Kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2013/2014, Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014 dan Sukan Antara Fakulti (SUKFAC) 2014.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata walaupun kemudahan dan infrastruktur sukan di kampus masih pada peringkat asas, atlet UMP tetap mampu mencatat pencapaian membanggakan.

Beliau bangga dengan kejayaan meraih enam pingat emas, lima pingat perak dan dua pingat gangsa serta juara keseluruhan acara Petanque yang menempatkan UMP pada kedudukan keenam bersemp-



Prof Daing Nasir, Prof Yuserrie dan Mohd Aznorizamin Ismail memeriahkan **Majlis Penghargaan Sukan 2013/ 2014 di Kompleks Sukan UMP, Gambang, Pahang, bagi menghargai kejayaan atlet UMP.**

# Atlet UMP menonjol

na dengan MASUM 2013.

**Kejayaan berterusan**

Katanya, kejayaan terus dicipta pada tahun ini apabila UMP melonjak ke tempat ketiga menerusi empat pingat emas, tiga perak dan dua gangsa dalam kejohanan MASUM yang berlangsung baru-baru ini.

"Pihak pengurusan univer-

siti akan terus memberikan perhatian kepada inisiatif untuk menambah infrastruktur baharu atau menaik taraf infrastruktur sukan sedia ada, sama ada di UMP Kampus Gambang dan di UMP Pekan," katanya ketika berucap dalam majlis berkenaan.

Turut hadir ialah, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Datuk

Dr Yuserrie Zainuddin dan Pemangku Ketua Pusat Sukan, Mohd Aznorizamin Ismail.

Sementara itu, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal diumumkan pemenang keseluruhan SUKIFAC dengan markah keseluruhan 92 mata melalui lima pingat emas dalam acara bola baling (wanita), bola tampar (wanita), badminton (lelaki), ping-pong (lelaki) dan ragbi.



Atlet petanque UMP, Mohammad Syawaludin Syafiq Hassan (kiri) dan adiknya, Mohammad Syahir Syahmi berbangga dengan kejayaan mereka **meraih pingat emas dalam Kejohanan MASUM 2013/2014.**